

Kongres himpunan semua pemimpin Melayu?

KOTA BHARU 1 Okt. - Apakah Kongres Maruah Melayu akan menjadi pentas terbesar meng-himpunkan semua pemimpin Melayu apabila UMNO dan Pas turut diundang untuk menyertai perhimpunan yang akan diadakan di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor pada Sabtu ini.

Pas telah mengesahkan Presidennya Datuk Seri Abdul Hadi Awang manakala UMNO akan membincangkan perkara tersebut di peringkat tertinggi dan akan memberikan jawapannya esok.

Kongres yang akan ditutup dengan amanat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad itu dikatakan amat signifikan selepas kedudukan Islam dan hak keistimewaan semakin dicabar pada hari ini.

Jika, UMNO, Pas dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) bersama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang mewakili lima cabang politik, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan agama itu bergabung pentas itu akan menjadi medan penyatuan solidariti pemimpin Melayu terbesar.

Setiausaha Agung Pas Datuk Takiyuddin Hassan berkata, kehadiran Abdul Hadi di kongres tersebut membuktikan bahawa



ANNUAR MUSA



TAKIYUDDIN HASSAN

parti itu berjiwa besar untuk mengukuhkan penyatuan ummah di negara ini.

“Pas telah menerima undangan daripada pihak penganjur untuk menghadiri Kongres Maruah Melayu yang dijadualkan berlangsung pada 6 Oktober 2019.

“Mesyuarat Jawatankuasa Harian Pas Pusat mengambil ketetapan bersetuju untuk Presiden Pas menghadiri kongres tersebut sebagai tanda jiwa besar Pas bagi mengukuhkan perpaduan ummah dan nasional dalam negara ini,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Walau bagaimanapun rakan sejawatannya daripada UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, pihaknya baru menerima undangan tersebut hari ini dan akan

dibincangkan di peringkat tertinggi parti itu terlebih dahulu.

“Ya, kita baru menerima undangan ini tadi. Kita akan bincang (di peringkat tertinggi parti). Buat masa sekarang, tidak ada apa yang boleh komen. Esok kita akan buat keputusan,” katanya.

Dua parti Melayu terbesar di negara ini Pas dan UMNO telah menandatangani kerjasama secara rasmi melalui Piagam Muafakat Nasional pada 14 September lalu.

Kongres itu merupakan anjuran bersama Universiti Malaya, Universiti Teknologi Mara, Universiti Putra Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Persatuan Peguam Muslim Malaysia.

Malah Ketua Eksekutif Sekretariat Kongres itu Dr. Zainal Kling tanpa berselindung dalam sebuah portal dilaporkan berkata, banyak persoalan yang ditimbulkan hari ini sudah mencabar maruah Melayu sehinggakan bangsa Melayu bukan saja rasa tercabar tetapi bahkan dipermainkan, direndahkan dan diremehkan.